

28/09/1999

Graduan jangan hanya pandai mengkritik

PELAJAR Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) dinasihatkan supaya tidak menjadi graduan yang hanya pandai mengkritik sebaliknya menjadi peneroka bidang baru pada masa depan.

Pengerusinya, Datuk Hassan Harun, berkata budaya mengkritik tidak sesuai lagi dalam menghadapi alaf baru ini, tetapi mencuba bidang baru yang belum pernah diterokai.

Menurut beliau, kecemerlangan dan keterampilan menjadi teras Unitar kepada graduan yang bakal dikeluarkan nanti supaya pemikiran mereka dapat menjana sebuah negara serba boleh.

"Saya mahu mereka mencontohi pelayar negara, Datuk Azhar Mansor yang berjaya mengelilingi dunia secara solo dengan membuktikan bahawa rakyat Malaysia boleh melakukannya," katanya di majlis penyampaian biasiswa kepada tujuh pelajar di Pusat Pembelajaran Unitar, Kelana Jaya, Selangor, semalam. Turut hadir Presiden Unitar, Datuk Dr Syed Othman Alhabshi.

Beliau berkata, seboleh-bolehnya graduan Unitar berminat melakukan aktiviti yang mengharumkan nama negara sekali gus menggunakan 'Formula Malaysia' yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Kita mahu mewujudkan rakyat Malaysia yang hebat pada masa depan dan cemerlang dalam pelbagai bidang," katanya.

Mengenai biasiswa, Hassan berkata, RM400,000 setahun diperuntukkan oleh Unitar bagi membiayai 10 pelajarnya yang kini mengikuti program akademik di universiti berkenaan.

(END)